

Melindungi pelaburan terbesar anda

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)
Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia
Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Rumah adalah tempat anda berlindung. Allianz Houseowner & Householder adalah pelindung anda.

Memiliki sebuah rumah sentiasa menjadi keutamaan anda. Bagi pasangan suami isteri, membina sebuah mahligai untuk keluarga anda merupakan langkah pertama yang mesti dilakukan. Oleh itu, kami memahami bahawa anda telah berusaha

sedaya upaya dan sentiasa berwaspada terhadap keselamatan rumah dan kandungan isi rumah yang mungkin merupakan pelaburan terbesar yang pernah anda lakukan.

Meskipun anda mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk melindungi pelaburan anda, perkara yang tidak dijangka masih boleh berlaku. Kebakaran,

kecurian dan banjir adalah sebahagian daripada risiko yang biasa berlaku ke atas rumah anda setiap hari.

Tidak kira sama ada anda seorang pemilik rumah atau penyewa, Allianz boleh membantu dalam memastikan pelaburan anda sentiasa dilindungi dengan insurans Allianz Houseowner & Householder.



Houseowner melindungi bangunan kediaman (rumah/rumah pangsa/ pangsapuri termasuk lekapan dan kelengkapan, garaj, dinding, pintu pagar dan pagar di sekeliling rumah).



Householder melindungi kandungan isi rumah dan barangan peribadi anda atau anggota keluarga anda.

Apakah yang dilindungi dalam Houseowner & Householder?

Perlindungan	Houseowner	Householder
	Bangunan	Kandungan Isi Rumah
Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah	Ya	Ya
Letupan domestik	Ya	Ya
Kerosakan akibat pesawat atau peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya	Ya	Ya
Kerosakan akibat hentaman terhadap bangunan oleh kenderaan jalan raya atau binatang	Ya	Ya
Kepecahan atau limpahan tangki air, peralatan atau paip air rumah	Ya	Ya
Kecurian akibat pecah masuk yang ganas terhadap bangunan	Ya	Ya
Hurikan, siklon, taufan, ribut angin	Ya	Ya
Gempa bumi, letupan gunung berapi	Ya	Ya
Banjir tetapi tidak termasuk kerosakan akibat penenggelaman atau gelinciran tanah	Ya	Ya
Kerugian sewa — Hingga 10% daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan	Ya	Ya
Liabiliti kepada awam — Hingga RM50,000	Ya	Ya
Harta yang dipindahkan sementara — Hingga 15% daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas kandungan isi rumah (tidak termasuk harta yang dipindahkan untuk jualan, pameran atau cagaran)	Tidak	Ya
Kerosakan cermin — Hingga RM500 setiap keping mana-mana satu kemalangan	Tidak	Ya
Pampasan kematian bagi Orang Yang Diinsuranskan — Hingga RM10,000 atau setengah daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas kandungan isi rumah yang mana lebih rendah	Tidak	Ya
Harta orang gaji	Tidak	Ya

Nota: Kesemua barangan yang nilainya melebihi 5% daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan atas kandungan isi rumah perlu diisytiharkan secara butiran berasingan di dalam Polisi (kecuali perabot, piano, organ, perkakas rumah, radio, TV, perakam video, peralatan Hi-Fi dan seumpamanya). Jumlah nilai barang platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang hendaklah dianggap tidak melebihi satu per tiga daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas kandungan isi rumah.

Lanjutan ke atas manfaat asas*

Bahagian I — Bangunan

- Kandungan isi rumah dan kelengkapan kepunyaan tuan rumah di dalam blok rumah pangsa yang sama
- Kerosakan plat kaca
- Kerugian atau kerosakan akibat hurikan, siklon, taufan atau ribut angin kepada corong asap logam, kajang, bidai, papan tanda dan lekapan dan kelengkapan di luar bangunan termasuk pintu pagar dan pagar
- Pengubahsuaian, pembaikan dan penambahan
- Rusuhan, mogok dan kerosakan akibat niat jahat
- Penenggelaman dan gelinciran tanah

Bahagian II

— Kandungan isi rumah

- Tidak berpenghuni melebihi 90 hari
- Perlindungan kecurian penuh termasuk kecurian oleh pembantu rumah
- Rusuhan, mogok dan kerosakan akibat niat jahat
- Penenggelaman dan gelinciran tanah

Bahagian III

— Kontingensi-kontingensi lain

- Insurans sewa tambahan
- Meningkatkan had liabiliti

*Boleh dibeli dengan premium tambahan.

Jadual kadar premium

	Klasifikasi	
	1A	1B
Houseowner (Bangunan)		
a) Kediaman — berasingan atau bersambung	0.090%	0.226%
b) Rumah pangsa dan pangsapuri	0.093%	0.243%
Householder (Kandungan Isi Rumah)		
a) Kediaman — berasingan atau bersambung	0.338%	0.520%
b) Barangan penginap di hotel, kediaman kelab dan rumah tumpangan	50% kenaikan atas kadar di atas	

- Premium terendah ialah RM64.80 (termasuk SST).
- Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.
- Sila tambah RM10 untuk duti setem.
- Temposh perlindungan ialah setahun. Polisi insurans anda perlu diperbaharui setiap tahun.

Pengecualian utama

Risiko perang, risiko nuklear, kebakaran spontan, tindakan keganasan, kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pemberhentian kerja atau perampasan, gangguan kewangan, kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh paip pecah semasa rumah tidak dihuni dan risiko siber.

Nota penting

- Penentuan Jumlah Yang Diinsuranskan:

Bangunan

Anda mesti menentukan nilai harta anda yang diinsuranskan dengan mengambil kira pengubahsuaian yang telah dibuat. Anda mesti memilih sama ada untuk melindungi bangunan anda pada Kos Penuh Pembinaan Semula ataupun pada Asas Nilai Pengembalian Semula* yang merangkumi yuran-yuran arkitek dan juru ukur, kos penyingkiran serpihan dan untuk memenuhi peraturan-peraturan bangunan baru (seperti mengemukakan pelan bangunan untuk kelulusan).

Kandungan Isi Rumah

Anda boleh memilih untuk melindungi kandungan isi rumah anda berdasarkan Asas Ganti Rugi** atau Asas Nilai Pengembalian Semula dan jumlah yang diinsuranskan haruslah mencerminkan pilihan anda.

* Asas Nilai Pengembalian Semula – akan membayar sepenuhnya kos membaik pulih kerosakan ke atas bangunan tanpa ditolak dengan nilai kesan lapuk dan susut nilai.

** Asas Indemniti – akan membayar kos membaik pulih kerosakan ke atas bangunan, ditolak dengan nilai kesan lapuk dan susut nilai.

- Barangan yang nilainya melebihi 5% daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan (kecuali perabot, piano, organ, perkakas rumah, radio, TV, perakam video, peralatan Hi-Fi dan seumpamanya), mesti diisytiharkan sekiranya hendak diinsuranskan.
- Barangan kemas anda dilindungi di bawah Polisi Isi Rumah yang tertakluk kepada nilai yang tidak melebihi 1/3 daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas kandungan isi rumah.
- Lebih bermakna jumlah yang perlu anda tanggung dalam sebarang tuntutan sebelum Syarikat membuat bayaran pampasan. Amaun tersebut akan dinyatakan di dalam Polisi.
- Premium insurans yang perlu dibayar adalah mengikut Tarif Kebakaran yang Dipinda yang dikawal oleh Persatuan Insurans Am Malaysia.
- Anda hendaklah memberi notis kepada Syarikat dengan serta-merta dan anda perlu menghantarkan tuntutan secara bertulis serta menyediakan kesemua butiran terperinci dan bukti dalam tempoh 15 hari dari tarikh kejadian kepada Syarikat.
- Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada Syarikat. Pulangan premium akan dikira selepas Syarikat mengenakan caj kepada anda berdasarkan kadar jangka pendek lazim atau premium minimum yang perlu dibayar di bawah polisi, mana-mana yang lebih tinggi.

Brosur ini adalah sah mulai 1 April 2025.

Brosur ini bukanlah Kontrak Insurans. Penerangan untuk perlindungan yang diberi hanyalah ringkasan untuk rujukan segera dan mudah. Keterangan lebih lanjut mengenai terma dan syarat yang terpakai terdapat di dalam Polisi.

Hubungi kami untuk maklumat lanjut: